

## Analisis Deskriptif Faktor Pengalaman, Kemahiran, Peluang dan Risiko Terhadap Pengurusan Komunikasi Pelajar Program Mobiliti

MOHD AZUL MOHAMAD SALLEH\*  
RUSYDA HELMA MOHD  
MOHAMAD RODZI ABD RAZAK  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### ABSTRAK

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) masa kini berfungsi sebagai ekosistem yang dinamik dan saling terhubung dengan dunia luar. Program mobiliti pelajar merupakan program penting dalam pengantarabangsaan pendidikan tinggi dan memperkasa pelajar ke peringkat global, namun impaknya bergantung kepada keupayaan pelajar mengurus komunikasi dip persekitaran asing. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis secara deskriptif faktor pengalaman, kemahiran, peluang, dan risiko terhadap keterlibatan pelajar dalam pengurusan komunikasi pelajar program mobiliti. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui temu bual soal selidik seramai 254 responden dan menggunakan persampelan bertujuan yang mengikuti program mobiliti pada tahun 2021 hingga 2024 dalam kalangan pelajar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian ini mendapati bahawa pengalaman dan peluang bertindak sebagai faktor utama untuk keterlibatan aktif dalam pengurusan komunikasi pelajar mobiliti. Kemahiran juga membuktikan bahawa ia boleh membina keyakinan diri pelajar untuk berinteraksi di luar zon selesa mereka. Dapatan juga menunjukkan bahawa walaupun peluang yang disediakan oleh institusi pendidikan, persepsi terhadap risiko sering menjadi cabaran utama yang mencetuskan penarikan diri secara sosial. Hasil kajian ini mencadangkan satu kerangka integratif pengurusan komunikasi yang boleh diguna pakai oleh pihak universiti untuk memperkukuh modul latihan pra-pelepasan dan sokongan semasa program. Penyelidikan ini menyumbang kepada literatur dalam pengurusan komunikasi untuk memahami pelajar dalam program mobiliti.

**Kata kunci:** *Mobiliti pelajar, pengurusan komunikasi, pengalaman, kemahiran, peluang, risiko.*

## Descriptive Analysis of Experience, Skills, Opportunity and Risk Factors on Communication Management of Mobility Program Students

### ABSTRACT

Today's Higher Education Institutions (HEIs) function as dynamic ecosystems that are interconnected with the outside world. Student mobility programs are important programs in the internationalization of higher education and empowering students globally, but their impact depends on students' ability to manage communication in foreign environments. This study aims to descriptively analyze the factors of experience, skills, opportunities, and risks on student involvement in the management of student communication in mobility programs. This study uses a quantitative approach through questionnaire interviews with 254 respondents and used purposive sampling of students who were participating in mobility programs in 2021 to 2024 from Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). This study found that experience and opportunities act as the main factors for active involvement in the management of student communication in mobility. Skills also prove that they can build students' self-confidence to interact outside their comfort zone. The findings also show that despite the

\*Corresponding author: azul@ukm.edu.my

E-ISSN: 2289-1528

<https://doi.org/10.17576/JKMJC-2026-4201-17>

Received: 12 February 2026 | Accepted: 17 March 2026 | Published: 31 March 2026

opportunities provided by educational institutions, the perception of risk is often the main challenge that triggers social withdrawal. The results of this study suggest an integrative framework of communication management that can be adopted by universities to strengthen pre-departure training modules and support during the program. This research contributes to the literature on communication management to understand students in mobility programs.

**Keywords:** *Student mobility, communication management, experience, skills, opportunity, risk.*

## PENGENALAN

Dalam era globalisasi yang semakin pantas, landskap pendidikan tinggi telah mengalami transformasi daripada model tradisional yang bersifat lokal kepada paradigma yang mementingkan pengantarabangsaan. Program mobiliti pelajar, sama ada dalam bentuk pertukaran kredit, latihan industri di luar negara, mahupun program jangka pendek telah menjadi salah satu program bagi universiti untuk melahirkan graduan yang mempunyai minda global. Namun, di sebalik pertukaran pelajar ini, wujud satu permasalahan yang sering terlepas daripada pemerhatian iaitu keupayaan pelajar untuk mengurus komunikasi dalam persekitaran masa kini.

Pengurusan komunikasi dalam konteks mobiliti bukan sekadar tentang aspek kefasihan berbahasa, tetapi merupakan satu proses budaya yang kompleks (Nur Emieza, 2020). Apabila seorang pelajar melangkah keluar dari zon selesa, mereka secara automatik terdedah kepada ekosistem komunikasi yang berbeza. Di sinilah letaknya kepentingan untuk memahami bagaimana faktor-faktor seperti pengalaman dan kemahiran, serta faktor peluang dan risiko, berinteraksi dalam menentukan keberkesanan dalam keterlibatan mereka. Tujuan artikel ini untuk membincangkan secara diskriptif, menilai hubungan dan pengaruh elemen iaitu pengalaman, kemahiran, peluang dan risiko terhadap pengurusan komunikasi pelajar yang terlibat dengan program mobiliti.

Pengalaman merupakan pengetahuan yang terbaik, namun dalam konteks ini, ia adalah faktor yang membentuk dan memberi ilmu kepada pelajar. Pelajar yang mempunyai latar belakang perjalanan antarabangsa atau pendedahan kepada kepelbagaian budaya sebelum mengikuti program mobiliti dijangka mempunyai daya tahan komunikasi yang lebih tinggi. Pengalaman lama berfungsi sebagai asas yang membantu mereka menghadapi apa jua cabaran dalam pelbagai aspek termasuk hal berkaitan dengan komunikasi. Walau bagaimanapun, bagi pelajar yang pertama kali menjejakkan kaki ke luar negara, sering kali mencetuskan kejutan budaya yang menjejaskan keupayaan untuk berkomunikasi dalam persekitaran ini.

Sebagai contoh, sering kali wujud salah faham bahawa penguasaan bahasa (seperti bahasa Inggeris atau bahasa ibunda negara tuan rumah) adalah satu-satunya kunci kejayaan komunikasi. Kemahiran komunikasi merangkumi kecekapan berkomunikasi antara budaya (Asfarina et al., 2023). Ini termasuklah juga kemahiran mendengar dan keupayaan menilai bahasa badan mengikut kesesuaian konteks sosial. Dalam pengurusan komunikasi, pelajar juga perlu memiliki kemahiran untuk memahami makna dalam persekitaran berbeza. Peningkatan kemahiran bahasa dan pengetahuan budaya dikuasai setelah mengambil bahagian program mobiliti (Marull & Kumar, 2020). Persoalannya disini, apabila berlaku salah faham dalam sesuatu situasi, adakah mereka mempunyai kemahiran untuk membetulkan keadaan tanpa menyinggung perasaan pelbagai pihak yang terlibat? Kemahiran ini bersifat dinamik mengikut keperluan situasi, yang mana ia menjadi aset penting dalam memastikan keterlibatan pelajar sentiasa bersifat aktif dengan pihak yang lain.

Peluang merupakan ketersediaan platform dan sokongan institusi yang membolehkan pelajar mempraktik pengurusan komunikasi mereka. Universiti yang menyediakan mentor dan kelab pelajar membuka ruang untuk pelajar terlibat secara aktif dengan pelajar yang lain. Tanpa peluang yang berstruktur, pelajar cenderung untuk berkumpul sesama rakan satu negara, yang secara tidak langsung akan membantutkan proses pembelajaran komunikasi dalam persekitaran berbeza. Pelajar yang tidak menguasai kemahiran komunikasi akan merencat mereka dalam menghadapi pasaran kerja pada abad ke 21 ini (Siti Aisyah & Siti Zuraidah, 2024). Keterlibatan ini memerlukan dorongan yang lebih sistematik daripada pihak universiti dan sebagainya. Gabungan peluang serta kemahiran ini akan membina potensi diri seseorang pelajar secara optimum untuk mempersiapkan diri untuk pasaran kerja.

Seterusnya, dalam pengurusan komunikasi, risiko boleh hadir dalam bentuk kegagalan dalam memahami norma tempatan yang membawa kepada pelbagai konflik seperti konflik interpersonal. Risiko juga merangkumi aspek psikologi, seperti kebimbangan. Contohnya, ketika berkomunikasi dan hilangnya keyakinan diri. Memahami risiko adalah satu aspek penting kerana ia menentukan tahap keterlibatan pelajar. Pelajar yang terlalu takut untuk melakukan kesilapan akan mengehadakan interaksi mereka, sekali gus merugikan objektif program mobiliti itu sendiri. Sebaliknya, pelajar yang mampu mengurus dan mengawal risiko dengan baik akan melihat setiap kegagalan sebagai peluang untuk belajar dan melakukan penyesuaian strategi.

Keterlibatan pelajar dalam pengurusan komunikasi sepanjang program mobiliti adalah satu elemen yang penting dalam mengimbangi antara pengalaman dan kemahiran dengan peluang dan risiko. Oleh itu, ditegaskan bahawa kajian penting untuk dikaji terutama aspek pengurusan komunikasi dalam kalangan pelajar mobiliti bagi menentukan sama ada elemen ini menjadi satu transformasi untuk memperkasa dan menyediakan ruang dan peluang kepada pelajar.

#### KAJIAN LITERATUR

Dalam konteks pengurusan komunikasi menunjukkan bahawa keterlibatan pelajar bukan bersifat statik, sebaliknya satu proses dinamik yang berterusan. Pengurusan komunikasi dalam program mobiliti merupakan keupayaan individu untuk menyaring, memahami dan memproses maklumat dalam persekitaran yang mempunyai budaya yang berbeza. Pengurusan komunikasi merupakan aspek penting dan bergantung pada sejauh mana mesej atau maklumat itu disampaikan secara efektif kepada khalayak atau pihak lain (Muhammad Zaiamri et al., 2021). Pengalaman merupakan faktor paling penting dalam menentukan kesediaan komunikasi pelajar. Pengalaman antarabangsa terdahulu bertindak sebagai modal budaya yang dipindahkan (Safrena et al., 2023) untuk mematangkan diri dan bersedia apa jua cabaran atau risiko. Sebagai contoh, pelajar yang mempunyai sejarah perjalanan atau pendidikan di luar negara menunjukkan tahap kebimbangan komunikasi yang jauh lebih rendah. Pengalaman ini membentuk satu kematangan dan pemahaman yang membolehkan pelajar menjangka rintangan dalam berinteraksi.

Dari aspek sosio-emosi, bahawa bukan kuantiti pengalaman yang penting, tetapi kualiti untuk terus menghadapi pelbagai cabaran. Contohnya, pelajar yang pernah terlibat dalam aktiviti sukarelawan atau terlibat dalam mana-mana organisasi didapati lebih proaktif dalam mengurus komunikasi. Ini membuktikan bahawa pengalaman mampu menyediakan asas yang kukuh bagi mereka dalam pengurusan komunikasi diperingkat lokal mahupun global. Pengalaman untuk berkomunikasi dengan lebih efektif serta efisien penting untuk

dicapai dan difahami oleh pelajar (Muhammad Zaiamri et al., 2021) dalam hal ini.

Pelajar perlu diberi penekanan untuk memahami pelbagai kemahiran insaniah seperti kemahiran interpersonal, kemahiran komunikasi dan sebagainya (Alizah & Zamri, 2016). Pada masa ini, banyak daripadanya menekankan kemahiran bahasa kepada kecekapan komunikasi antara budaya. Kemahiran komunikasi dalam mobiliti merangkumi keupayaan untuk menggunakan pelbagai strategi. Selain itu, literasi digital dan komunikasi merupakan satu aspek yang penting, kemahiran mengurus komunikasi melalui platform digital seperti media sosial dan aplikasi penterjemahan merupakan faktor yang menjadi keutamaan. Medium media sosial ini merupakan salah satu saluran komunikasi atau interaksi yang baharu dalam kehidupan masyarakat terutama pelajar untuk berhubung tanpa perlu bersemuka di dunia maya (Muhammad Adil & Intan, 2023). Pelajar mobiliti masa kini mengekalkan hubungan dengan keluarga di tanah air dengan membina rangkaian aplikasi di internet. Kegagalan mengimbangi kedua-dua ruang kemudahan komunikasi ini mungkin membawa kepada isolasi sosial.

Peluang sering dibincangkan sebagai faktor persekitaran yang bertindak sebagai pemangkin. Universiti yang menyediakan program pementoran secara formal untuk mencipta peluang komunikasi yang lebih selamat. Peluang ini mengurangkan beban pelajar dalam mencari akses kepada komuniti tempatan dan sebagainya. Peluang bukan sahaja wujud di luar kelas, tetapi di dalam bilik-bilik kuliah. Kaedah pembelajaran kolaboratif memberikan peluang kepada pelajar mobiliti untuk mengurus komunikasi dengan rakan sebaya dari pelbagai latar belakang secara lebih sistematik dan terancang. Seterusnya, konsep Bhabha (1994) mengenai ruang ketiga sering dipetik dalam kajian mobiliti untuk menggambarkan ruang hibrid seperti kafe, kelab, atau asrama antarabangsa di mana pelajar merasa bebas untuk memahami identiti mereka tanpa risau.

Dalam bidang sosiologi pendidikan menekankan kepentingan untuk mengenal pasti beberapa risiko yang menghalang keterlibatan aktif pelajar. Wujudnya di mana pelajar tempatan mungkin mempunyai sterotaip terhadap pelajar mobiliti. Tindakan ini boleh menyebabkan pelajar menarik diri dari berkomunikasi. Seterusnya, walaupun mereka mempunyai kemahiran, risiko merasa kurang cekap atau pintar wujud apabila tidak mampu mengekspresikan idea dalam bahasa kedua menjadi cabaran atau halangan yang besar. Pelajar yang mempunyai kecenderungan menghadapi risiko biasanya memperoleh manfaat pembelajaran dan pengetahuan yang lebih besar daripada program mobiliti.

Seterusnya pelajar yang dapat mengurus dalam aspek yang berkaitan dengan pengalaman, kemahiran, peluang, dan risiko akan menunjukkan tahap keterlibatan yang lebih baik dalam program ini. Keterlibatan dan penguasaan pengurusan komunikasi semasa mobiliti merupakan elemen penting kepada pembinaan diri pelajar dalam kebolehpasaran global masa kini. Kebolehpasaran pelajar sering dikaitkan dengan dengan bakat, kemahiran dan kemampuan daya saing terus untuk menjadi perhatian majikan, ibubapa dan khalayak masa kini (Nor Kamariah, 2024). Majikan lebih cenderung memilih graduan yang mempunyai rekod keterlibatan aktif dalam persekitaran pelbagai budaya kerana ia mencerminkan kematangan seseorang pelajar. Secara keseluruhannya, ini menunjukkan bahawa faktor-faktor tersebut penting dan saling berhubungkait dalam ekosistem yang dinamik. Oleh itu artikel ini memberi pemahaman secara diskriptif yang bertujuan untuk meneliti bagaimana faktor-faktor ini membentuk corak pengurusan komunikasi yang unik dalam kalangan pelajar program mobiliti.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui borang soal selidik secara dalam talian bagi kutipan data. Skop dan sampel kajian adalah dalam kalangan pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang pernah terlibat dengan program mobiliti. Statistik tahun 2021 hingga 2024 seramai 456 pelajar dalam pelbagai program pengajian pernah terlibat dalam program mobiliti. Kajian ini telah mengedarkan borang soal selidik dengan Skala Likert 5 untuk dijawab dalam *Google Form* yang dibentuk berdasarkan literatur yang bersesuaian. Responden yang ditemui/dihubungi melalui telefon atau aplikasi mesej ditemubual terlebih dahulu untuk memastikan responden yang pernah terlibat dengan program ini, sebelum memberi alamat atau *link* untuk menjawab borang soal selidik bagi mendapat sampel yang dipilih adalah betul dan baik.

Kaedah persampelan dalam kajian ini adalah persampelan bertujuan iaitu hanya pelajar yang pernah terlibat dengan program mobiliti pelajar. Cadangan bagi bilangan sampel kajian ini adalah dalam lingkungan 200 orang (Ferdinand, 2006). Seramai 254 orang responden telah menjawab soal selidik dalam kajian ini. Lokasi kajian yang telah dipilih bagi menjalankan kajian ialah di sekitar kampus UKM. UKM dipilih sebagai lokasi kajian kerana universiti ini merupakan salah satu yang terlibat dalam pengantarabangsaan pelajar. Kajian ini mengembangkan lagi penyelidikan berkaitan program mobiliti pelajar di salah sebuah universiti awam di Malaysia. Selain itu, persekitaran di UKM yang mempunyai pelajar yang sentiasa berdaya saing dalam menjamin pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Jadual 1 menunjukkan dapatan analisis kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* terhadap instrumen yang dibina dalam kajian ini.

Jadual 1: Cronbach Alpha

<b>Pembolehubah</b>	<b><i>Cronbach's Alpha</i></b>	<b><i>N of Items</i></b>
Pengalaman	.863	6
Kemahiran	.931	6
Peluang	.912	5
Risiko	.832	5
Pengurusan Komunikasi	.949	5

Nilai *Cronbach's Alpha* digunakan untuk mengukur nilai kebolehpercayaan item-item instrumen soal selidik yang akan digunakan dalam kajian. Tahap kebolehpercayaan kajian dapat ditentukan dengan menggunakan interpretasi nilai *Cronbach's Alpha*. Data yang diperolehi menunjukkan kesemua konstruk dan item soalan mempunyai nilai ketekalan kebolehpercayaan di atas 0.80 yang sangat baik dan efektif. Kaedah analisis statistik yang dibentangkan dalam artikel ini adalah secara diskriptif seperti berikut.

## HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini menjelaskan dan membincangkan hasil dapatan. Jadual 2 menunjukkan satu pola taburan jantina yang menarik dalam kalangan 254 orang responden pelajar mobiliti di UKM. Dapatan mendapati majoriti responden adalah perempuan sebanyak 57.9% berbanding lelaki sebanyak 42.1%, ini mencerminkan realiti demografi semasa di institusi pengajian tinggi awam Malaysia yang secara konsisten memperlihatkan dominasi enrolmen pelajar wanita. Perbezaan ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan mempunyai kecenderungan dan motivasi yang lebih tinggi untuk terlibat dalam program pengantarabangsaan dan pertukaran budaya berbanding rakan pelajar lelaki. Dominasi responden perempuan dalam program

mobiliti ini memberikan indikasi bahawa faktor jantina merupakan dimensi penting yang perlu dipertimbangkan dalam memahami adaptasi dan keterlibatan pembelajaran luar negara di peringkat universiti.

Jadual 2: Jantina

Perkara	Bil.	Peratusan (%)
Lelaki	107	42.1
Perempuan	147	57.9
<b>JUMLAH</b>	<b>254</b>	<b>100.0</b>

Seterusnya, Jadual 3, menunjukkan satu trend yang signifikan, di mana penglibatan dalam program mobiliti didominasi oleh pelajar senior, iaitu pelajar tahun ketiga (34.6%) dan tahun akhir (32.3%). Keadaan ini menunjukkan bahawa pelajar di peringkat pertengahan dan akhir pengajian mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk mencari pengalaman luar bagi melengkapkan profil graduan mereka sebelum memasuki pasaran kerja. Sebaliknya, penglibatan pelajar tahun pertama yang amat minimum, iaitu hanya 5.1%, mencerminkan fasa transisi awal di mana tumpuan utama mereka masih tertumpu kepada penyesuaian akademik di dalam kampus sebelum berani meneroka peluang di peringkat antarabangsa. Data ini memberi gambaran bahawa pelajar program mobiliti di UKM lebih menarik minat pelajar yang telah mempunyai asas akademik yang kukuh (tahun kedua hingga tahun akhir), yang merangkumi lebih 90% daripada keseluruhan sampel. Hal ini memberikan implikasi bahawa kematangan akademik dan emosi mengikut tahun pengajian merupakan faktor kritikal dalam menentukan keputusan pelajar untuk menyertai program pertukaran luar sempadan.

Jadual 3: Tahun pengajian

Perkara	Bil.	Peratusan (%)
Tahun 1	13	5.1
Tahun 2	71	28.0
Tahun 3	88	34.6
Tahun 4	82	32.3
<b>JUMLAH</b>	<b>254</b>	<b>100.0</b>

Dari aspek yang lain pula, Jadual 4 menunjukkan jenis peralatan komunikasi digunakan oleh responden semasa program mobiliti. Dapatan kajian mengenai peralatan komunikasi yang digunakan mencerminkan kebergantungan pelajar mobiliti terhadap teknologi digital sebagai medium utama interaksi dan pembelajaran. Pemilikan telefon pintar yang mencapai 100% membuktikan bahawa peranti ini bukan lagi satu kehendak, sebaliknya telah menjadi alat wajib yang berfungsi sebagai saluran komunikasi, navigasi, dan akses maklumat segera sepanjang program. Trend ini diperkukuhkan lagi dengan penggunaan komputer riba (90.2%) dan tablet/iPad (66.5%), menunjukkan bahawa responden mengamalkan budaya digital yang memerlukan peranti dengan skrin lebih besar untuk tujuan tugas akademik dan sebagainya. Sebaliknya, penggunaan komputer *desktop* yang rendah adalah selari dengan sifat program mobiliti itu sendiri yang mementingkan aspek mudah alih. Penggunaan platform digital telah mewujudkan perubahan dalam dominasi ICT untuk mengakses dan berkomunikasi untuk warga masa kini (Mohd Azul et al., 2024). Dominasi peranti mudah alih ini menggambarkan profil pelajar UKM sebagai warga digital (*digital natives*) yang memanfaatkan kepelbagaian teknologi, daripada telefon pintar hingga ke jam tangan pintar

bagi memastikan kesinambungan sosial dan akademik mereka kekal terpelihara walaupun berada di lokasi geografi yang berbeza.

Jadual 4: Jenis peralatan komunikasi

Perkara	Memilih (YA)	
	Bil.	Peratusan (%)
Telefon Pintar	254	100.0
Tablet/Ipad	169	66.5
Komputer (Desktop)	56	22.0
Komputer (Riba/Laptop)	229	90.2
Jam Tangan Pintar	35	13.8

Seterusnya, Jadual 5 menunjukkan jenis telefon yang digunakan oleh responden program mobiliti. Analisis terhadap jenis telefon yang digunakan oleh responden mengukuhkan kedudukan telefon pintar sebagai peranti komunikasi utama dengan kadar penggunaan mencecah 100%. Dapatan ini membuktikan bahawa dalam era mobiliti moden, aksesibiliti maklumat tanpa sempadan dan komunikasi masa nyata menjadi keperluan asas yang tidak boleh dikompromi oleh pelajar. Menariknya, walaupun teknologi mudah alih mendominasi, masih terdapat segelintir responden yang juga memanfaatkan telefon rumah dan telefon pejabat. Penggunaan infrastruktur komunikasi statik ini kemungkinan besar dikaitkan dengan urusan rasmi pentadbiran atau keperluan perhubungan antarabangsa yang melibatkan kos yang lebih rendah melalui talian tetap di institusi. Walau bagaimanapun, jurang yang amat besar antara telefon pintar dan telefon talian tetap ini memberikan isyarat jelas mengenai era kebergantungan kepada peranti teknologi komunikasi baharu.

Jadual 5: Jenis telefon

Perkara	Memilih (YA)	
	Bil.	Peratusan (%)
Telefon Pintar	254	100.0
Telefon Pejabat	39	15.4
Telefon Rumah	47	18.5

Taburan jenis aplikasi dalam talian (*online*) yang digunakan oleh responden semasa menjalankan program mobiliti seperti dalam Jadual 6. Dapatan menunjukkan wujud satu ekosistem digital di mana pelajar mobiliti mengintegrasikan pelbagai aplikasi untuk keperluan komunikasi, iaitu antara akademik dan interaksi sosial. Emel dan WhatsApp sebagai aplikasi utama membolehkan pelajar mengekalkan komunikasi dan urusan rasmi yang bersifat formal. Kebergantungan tinggi terhadap platform seperti Google Meet, MS Teams, dan Telegram menunjukkan pelbagai corak komunikasi digunakan sepanjang tempoh program mobiliti. Selain itu, penggunaan media sosial yang juga tinggi seperti Instagram dan TikTok, serta penglibatan dalam platform profesional seperti LinkedIn, memberikan gambaran bahawa pelajar juga memanfaatkan aplikasi digital untuk berkongsi maklumat atau gaya hidup, dan untuk membina jaringan dengan pihak luar. Komunikasi berperantara seperti media sosial dijadikan platform pilihan untuk berhubung dan memperoleh maklumat dari pelbagai pihak (Hishamudin et al., 2022). Kepelbagaian aplikasi ini membentuk satu infrastruktur sokongan digital yang baik dalam meningkatkan keupayaan dan memperkasa pengurusan komunikasi dan daya saing global pelajar.

Jadual 6: Jenis aplikasi dalam talian (*online*)

Perkara	Memilih (YA)	
	Bil.	Peratusan (%)
Email (emel)	248	97.6
Facebook	179	70.5
Whatsapps	249	98.0
Instagram	230	90.6
Twitter	145	57.1
Tiktok	181	71.3
Google Meet	240	94.5
Skype	45	17.7
LinkedIn	134	52.8
Wechat	49	19.3
Ms Teams	230	90.6
Snapchat	90	35.4
Telegram	228	89.8

Analisis terhadap tujuan aktiviti (Jadual 7) dalam talian mendedahkan bahawa pelajar mobiliti menggunakan ruang digital secara bermatlamat dan berfokus kepada keperluan akademik serta sosial mereka. Pencarian maklumat merupakan satu aktiviti utama dan membuktikan bahawa akses kepada data dan rujukan digital merupakan perkara yang penting dalam menyokong pembelajaran sendiri mereka. Pengetahuan teknologi digital dalam kalangan individu adalah penting untuk mencari maklumat dan menyiapkan tugas mereka (Nur Amirah et al., 2020). Kepentingan ini diperkukuhkan lagi melalui aktiviti komunikasi dengan pihak berkepentingan dan rakan. Teknologi bertindak sebagai medium penghubung yang penting bagi mengekalkan sokongan institusi dan kesejahteraan emosi sepanjang tempoh keterlibatan dalam program mobiliti. Meskipun aktiviti untuk tujuan pembacaan berada pada tahap yang tinggi, penglibatan dalam permainan video yang mencatatkan peratusan agak rendah memberikan indikasi bahawa responden lebih cenderung mengutamakan aktiviti yang bersifat informatif berbanding hiburan. Secara keseluruhannya, data ini menggambarkan profil pelajar UKM sebagai pengguna digital yang matang, di mana penggunaan teknologi dioptimumkan sepenuhnya untuk memenuhi tuntutan akademik dan sosial dalam persekitaran antarabangsa.

Jadual 7: Tujuan aktiviti dalam talian (*online*)

Perkara	Memilih (YA)	
	Bil.	Peratusan (%)
Komunikasi dengan Pihak Berkepentingan	250	98.4
Bersembang dengan kawan	249	98.0
Pencarian maklumat	253	99.6
Membaca	235	92.5
Permainan ( <i>Video Games</i> )	166	65.4

Seterusnya analisis diskriptif skor min elemen pengalaman pelajar mobiliti seperti dalam Jadual 8.

Jadual 8: Pengalaman

Item	Min	SP
Saya menggunakan teknologi komunikasi terkini (seperti email) untuk berkomunikasi dengan pihak berkepentingan.	4.5000	.60138
Saya dapat membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dengan baik ketika mengurus komunikasi dengan pihak berkepentingan.	4.5000	.56056
Saya dapat menambah pengetahuan dalam hal berkaitan dengan mobiliti pelajar.	4.4685	.55967
Saya berkebolehan bekerjasama dalam kumpulan sewaktu mengurus interaksi dengan pihak berkepentingan.	4.4606	.57999
Saya berkebolehan mengaplikasi asas komunikasi sewaktu mengurus interaksi dengan pihak berkepentingan.	4.4331	.54215
Saya menggunakan medium komunikasi tradisional (seperti telefon) untuk berkomunikasi dengan pihak berkepentingan.	4.2874	.73860
<b>KESELURUHAN</b>	<b>4.4416</b>	<b>.46268</b>

Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00

Kajian menunjukkan bahawa pengalaman pelajar mobiliti dalam menguruskan komunikasi berada pada tahap yang sangat baik, sebagaimana dicerminkan oleh skor min keseluruhan yang tinggi ( $M = 4.44$ ,  $SD = 0.46$ ). Konsistensi skor min bagi setiap item yang melebihi aras 4.28 menggambarkan satu bentuk kematangan komunikasi dalam kalangan responden, di mana mereka berupaya mengurus interaksi sepanjang program berlangsung dengan efektif. Secara lebih spesifik, penggunaan teknologi komunikasi terkini sebagai item dengan skor tertinggi membuktikan bahawa keberhasilan pengalaman mobiliti masa kini amat bergantung kepada penguasaan literasi digital dan ketersediaan infrastruktur teknologi moden. Penggunaan teknologi komunikasi dan penguasaan digital ini adalah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh individu untuk proses penyampaian dan penerimaan (Nur Syuhada, 2024). Walaupun penggunaan medium komunikasi tradisional mencatatkan skor min terendah, nilai tersebut masih dikategorikan sebagai tinggi, yang memberikan indikasi bahawa pelajar mobiliti tidak meninggalkan sepenuhnya kaedah konvensional, sebaliknya masih mengamalkan pendekatan komunikasi hibrid yang strategik. Ini membuktikan bahawa pelajar UKM mempunyai daya adaptasi komunikasi yang baik, dan integrasi teknologi terkini dalam memastikan hubungan terus kekal produktif dan lancar dalam era digital ini.

Jadual 9: Kemahiran

Item	Min	SP
Saya dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dengan pihak berkepentingan dengan baik.	4.4685	.56669
Saya boleh beradaptasi dengan etika kerja yang baik sewaktu mengurus komunikasi dengan pihak berkepentingan.	4.4331	.55654
Saya dapat meningkatkan kemahiran bekerja dalam kumpulan dengan baik untuk menguruskan komunikasi hal berkaitan dengan mobiliti pelajar.	4.4291	.57698
Saya dapat meningkatkan kemahiran teknologi komunikasi terkini sewaktu mengurus komunikasi dengan pihak berkepentingan.	4.4291	.59718
Saya dapat mempelajari pelbagai kemahiran baru sewaktu mengurus komunikasi dengan pihak berkepentingan.	4.4016	.55182
Saya dapat meningkatkan kemahiran interpersonal sewaktu berinteraksi dengan pihak berkepentingan.	4.3937	.55749
<b>KESELURUHAN</b>	<b>4.4259</b>	<b>.48932</b>

Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00

Jadual 9 menunjukkan dapatan analisis dari elemen kemahiran pelajar mobiliti. Pelajar

mobiliti memiliki tahap kemahiran yang sangat kompeten, sebagaimana dibuktikan oleh skor min keseluruhan yang tinggi ( $M= 4.43$ ,  $SD= 0.49$ ). Konsistensi skor min bagi setiap item yang berada dalam julat yang kecil dan tinggi (4.39 hingga 4.47) mencerminkan keyakinan diri responden yang kuat dan tinggi terhadap peningkatan keupayaan mereka sepanjang program berlangsung. Pencapaian skor tertinggi pada item peningkatan kemahiran komunikasi secara umum memberikan indikasi bahawa persekitaran mobiliti berfungsi sebagai elemen yang berkesan dalam mengasah kecekapan berinteraksi dengan pelbagai pihak. Meskipun item berkaitan peningkatan kemahiran interpersonal mencatatkan skor min relatif yang rendah, nilai tersebut tetap berada pada tahap yang baik, dan menunjukkan bahawa proses interaksi sosial antara budaya berlaku secara positif. Secara analisisnya, membuktikan bahawa program mobiliti bukan sekadar satu transisi geografi, malah merupakan satu pengukuhan kemahiran yang membolehkan pelajar menguruskan hubungan profesional yang berkesan untuk memenuhi dan membina graduan global yang berdaya saing.

Jadual 10: Peluang

Item	Min	SP
Saya dapat menambah ilmu tentang komunikasi antarabudaya dengan pelbagai pihak.	4.4606	.61953
Saya berpeluang mempelajari prosedur tentang mobiliti iaitu sebelum, sewaktu dan selepas terlibat.	4.4370	.57789
Saya boleh mengetahui dan memahami cara pihak berkepentingan berkomunikasi dengan baik.	4.4173	.60878
Saya berpeluang berinteraksi dengan baik melalui medium teknologi komunikasi terkini dengan pihak berkepentingan.	4.4094	.60111
Saya berpeluang berinteraksi dengan baik melalui medium komunikasi tradisional dengan pihak berkepentingan.	4.3898	.66657
<b>KESELURUHAN</b>	<b>4.4228</b>	<b>.52925</b>

Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00

Seterusnya, Jadual 10 menunjukkan analisis skor min bagi elemen peluang pelajar mobiliti. Dapatan menunjukkan bahawa dimensi peluang dalam pengurusan komunikasi berada pada tahap yang sangat baik, sebagaimana yang ditunjukkan oleh nilai skor min keseluruhan yang tinggi ( $M= 4.42$ ,  $SD= 0.53$ ). Ini menunjukkan bahawa program mobiliti menyediakan platform yang sangat baik bagi pelajar untuk meneroka pelbagai ilmu yang lebih luas dan profesional. Secara spesifiknya, nilai skor min tertinggi pada item penambahan ilmu komunikasi antarabudaya mengesahkan bahawa kelebihan utama program ini terletak pada peluang pendedahan kepada kepelbagaian budaya dan meningkatkan komunikasi global kepada pelajar. Elemen peluang menjelaskan bahawa pengalaman mobiliti telah berjaya memperkasa potensi pelajar dalam membina jaringan yang merentas sempadan budaya. Peluang dalam literasi digital juga merupakan pengetahuan yang membolehkan pelajar menerapkan kemahiran digital merentas sempadan budaya untuk membina jaringan komunikasi secara dalam talian (Muhamad Faisal et al., 2022).

Jadual 11: Risiko

Item	Min	SP
Saya mengalami kesukaran memahami bahasa pihak lain sewaktu berkomunikasi dengan pihak berkepentingan.	3.2992	1.36480
Saya mengalami kesukaran memahami prosedur tentang mobiliti sewaktu mengurus komunikasi.	3.2126	1.33739
Saya sukar beradaptasi dengan nilai dan budaya orang/negara lain.	2.7795	1.40532
Komunikasi secara bersemuka sukar membantu saya dalam pengurusan komunikasi dengan pihak berkepentingan.	2.7323	1.46338
Teknologi komunikasi sukar membantu saya dalam pengurusan komunikasi dengan pihak berkepentingan.	2.6220	1.47672
<b>KESELURUHAN</b>	<b>2.9291</b>	<b>1.09068</b>

Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00

Berbeza dengan pengalaman, kemahiran, dan peluang yang mencatatkan skor baik, faktor risiko (Jadual 11) bagi pelajar dan berada pada tahap sederhana dengan nilai skor min keseluruhan  $M = 2.93$  ( $SD = 1.09$ ). Skor min yang sederhana ini memberikan indikasi bahawa walaupun pelajar mempunyai kemahiran digital yang tinggi, mereka tetap berhadapan dengan cabaran dalam pelbagai seperti interaksi dan lain-lain. Hal ini dibuktikan melalui item kesukaran memahami bahasa yang mencatatkan skor tertinggi, sekali gus menunjukkan bahawa jurang bahasa kekal sebagai cabaran utama dalam keberkesanan komunikasi. Secara analisisnya, risiko atau cabaran komunikasi dalam program mobiliti bukanlah punca kegagalan. Oleh itu, komunikasi dan bahasa dalam konteks budaya memerlukan perhatian lebih serius terutama dalam latihan persediaan pelajar sebelum ke luar negara.

Jadual 12: Pengurusan komunikasi

Item	Min	SP
Aplikasi komunikasi masa kini amat penting dalam pengurusan komunikasi saya dengan pihak berkepentingan.	4.4961	.53159
Komunikasi dapat menyelesaikan saya membuat keputusan dengan baik.	4.4921	.57444
Pengurusan komunikasi membantu saya mengurus mobiliti dengan pihak berkepentingan.	4.4567	.55888
Teknologi komunikasi membantu saya dalam mengurus hal ehwal mobiliti.	4.4567	.52984
Komunikasi dengan pelbagai pihak yang terlibat penting kepada saya.	4.4409	.57144
<b>KESELURUHAN</b>	<b>4.4685</b>	<b>.50440</b>

Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00

Secara keseluruhannya Jadual 12 mendapati tahap pengurusan komunikasi pelajar mobiliti berada pada aras yang tinggi, dengan nilai skor min keseluruhan  $M = 4.47$  ( $SD = 0.50$ ). Skor min bagi setiap item menunjukkan wujudnya kesedaran dalam kalangan pelajar mengenai kepentingan pengurusan komunikasi yang sistematik. Item kepentingan aplikasi komunikasi masa kini sebagai penyumbang tertinggi yang mencerminkan bahawa keberkesanan pengurusan komunikasi pelajar telah mengalami transformasi digital. Teknologi kini bukan lagi sekadar alat, tetapi merupakan aspek penting dalam menyokong strategi interaksi mereka. Item mengenai kepentingan komunikasi dengan pelbagai pihak menunjukkan bahawa pelajar memahami tanggungjawab mereka dalam mengekalkan hubungan profesional. Ini membuktikan bahawa pelajar UKM memiliki kompetensi pengurusan komunikasi yang baik dan berkeupayaan mengintegrasikan teknologi dalam membina strategi perhubungan bagi program mobiliti mereka di peringkat antarabangsa.

Seterusnya, analisis korelasi berfungsi dalam menghuraikan perhubungan di antara pengalaman, kemahiran, peluang dan risiko dengan pengurusan komunikasi. Nilai  $p < 0.05$  menunjukkan tanda signifikan. Manakala nilai korelasi iaitu  $r$  menunjukkan kekuatan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji. Semakin nilai  $r$  menghampiri 1, maka ianya bermaksud semakin kuat hubungan di antara pemboleh ubah tersebut dan sebaliknya. *Guilford's Rule of Thumb* digunakan sebagai penanda aras untuk menentukan aras kekuatan di antara pemboleh ubah yang dikaji. Nilai indeks pekali korelasi dalam kajian ini merujuk kepada *Guilford's Rule of Thumb*.

Ujian Korelasi Pearson membuktikan terdapatnya hubungan positif yang signifikan dan kuat antara faktor pengalaman dengan pengurusan komunikasi pelajar mobiliti ( $r = .722$ ,  $p < .05$ ). Peningkatan dalam kualiti pengalaman pelajar secara langsung akan memperkukuh keupayaan dalam mengendalikan pengurusan komunikasi. Kekuatan hubungan pada tahap yang kuat ini menjelaskan bahawa pengalaman bukanlah sekadar penglibatan pasif, sebaliknya bertindak sebagai elemen yang membentuk corak interaksi yang lebih matang dan sistematik. Hal ini membawa implikasi bahawa semakin banyak pengalaman yang diperoleh pelajar sepanjang program mobiliti, semakin tinggi tahap kecekapan mereka dalam menyelaraskan strategi komunikasi bagi mendepani cabaran.

Hasil analisis korelasi juga mendapati wujudnya hubungan positif yang signifikan antara tahap kemahiran responden dengan pengurusan komunikasi dalam kalangan pelajar mobiliti ( $r = .685$ ,  $p < .05$ ). Kemahiran sama ada dari sudut teknikal mahupun interpersonal, merupakan aspek penting yang mencorak kualiti interaksi. Walaupun kekuatan hubungan berada pada tahap sederhana, menunjukkan bahawa kemahiran penting terhadap keupayaan pelajar untuk menyelaraskan maklumat dan membina jaringan profesional. Hal ini menjelaskan bahawa dalam konteks mobiliti pelajar UKM, kemahiran bertindak sebagai aspek pelaksana yang membolehkan strategi komunikasi diterjemahkan ke dalam bentuk tindakan yang lebih teratur. Ini memberikan implikasi bahawa pemeraksanaan kemahiran insaniah dan literasi komunikasi perlu diberikan penekanan bagi memastikan setiap pelajar mampu menguruskan kehendak pihak berkepentingan.

Dapatan kajian juga membuktikan secara empirikal bahawa wujud hubungan positif yang signifikan dan kuat antara faktor peluang dengan pengurusan komunikasi pelajar mobiliti ( $r = .705$ ,  $p < .05$ ). Ini menunjukkan elemen peluang seperti pendedahan kepada budaya baharu dan akses kepada jaringan antarabangsa merupakan aspek yang meningkatkan kualiti pelajar. Kekuatan hubungan yang berada pada tahap kuat ini menunjukkan keberhasilan pengurusan komunikasi dipengaruhi oleh sejauh mana persekitaran mobiliti tersebut menawarkan ruang intelektual dan sosial. Dapatan ini memberikan implikasi bahawa program mobiliti berjaya dilaksanakan sebagai program yang memberi peluang kepada keyakinan, hubungan profesional dan pemeraksanaan pelajar di peringkat global.

Manakala, analisis menunjukkan di mana wujud hubungan negatif dan lemah antara elemen risiko dengan pengurusan komunikasi pelajar mobiliti ( $r = -.210$ ,  $p < .05$ ). Peningkatan dalam aspek ini seperti bahasa dan kekangan komunikasi, cenderung untuk menurunkan keberkesanan pengurusan komunikasi. Walaupun kekuatan hubungan ini dikategorikan sebagai lemah, sifat hubungan yang negatif memberikan indikasi bahawa elemen ini merupakan cabaran yang boleh menjejaskan kelancaran interaksi profesional dengan pelbagai pihak. Dapatan ini menjelaskan bahawa pengurusan komunikasi pelajar perlu baik untuk meminimumkan risiko dan cabaran. Hubungan ini tetap perlu perhatian dalam aspek

persediaan dalam pelbagai kemahiran seperti bahasa dan teknologi digital bagi memastikan risiko tidak menjadi penghalang kepada kejayaan program mobiliti. Statistik inferensi secara umumnya digunakan untuk menghuraikan faktor pengaruh pengalaman, kemahiran, peluang dan risiko terhadap pengurusan komunikasi pelajar mobiliti.

Jadual 13: Analisis regresi pelbagai bagi sumbangan pengalaman, kemahiran, peluang dan risiko (*Model Summary<sup>b</sup>*)

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.768 <sup>a</sup>	.590	.583	.32575

a. *Predictors:* (Constant), risiko, pengalaman, peluang, kemahiran

b. *Dependent Variable:* Pengurusan komunikasi

Dapatan dalam Jadual 13 menunjukkan dapatan analisis regresi pelbagai bagi melihat sumbangan pemboleh ubah bebas iaitu pengalaman, kemahiran, peluang dan risiko terhadap pengurusan komunikasi. Nilai *R Square* bersamaan .590 membuktikan bahawa gabungan pemboleh ubah bebas yang terdiri daripada pengalaman, kemahiran, peluang, dan risiko menyumbang sebanyak 59.0% terhadap perubahan dalam keberkesanan pengurusan komunikasi. Nilai menunjukkan bahawa model ini berjaya menangkap lebih separuh daripada faktor-faktor kritikal yang mempengaruhi tingkah laku komunikasi responden. Hal ini memberikan implikasi bahawa pemboleh ubah yang dipilih sesuai dalam konteks kajian ini. Oleh itu, kekuatan pengaruh sebanyak 59.0% ini menegaskan bahawa strategi pemeraksanaan pengurusan komunikasi harus mengintegrasikan elemen elemen ini secara holistik bagi memastikan impak yang signifikan terhadap graduan.

Jadual 14: Koefisien analisis regresi pelbagai bagi pengalaman, kemahiran, peluang dan risiko (*Coefficients<sup>a</sup>*)

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	.857	.224		3.832	.000
	Pengalaman	.407	.085	.374	4.792	.000
	Kemahiran	.126	.081	.123	1.561	.120
	Peluang	.300	.064	.315	4.679	.000
	Risiko	-.029	.019	-.063	-1.503	.134

a. *Dependent Variable:* Pengurusan komunikasi, R2 = 0.590, F (89,399) = 9.327, Sig. F = 0.000, \*\* p < 0.05

Seterusnya, berdasarkan Jadual 14 pula menunjukkan elemen yang memberi kesan terhadap pengurusan komunikasi, kajian membuktikan bahawa elemen pengalaman merupakan prediktor yang paling dominan ( $\beta = .407$ ,  $p < .05$ ), diikuti oleh faktor peluang ( $\beta = .300$ ,  $p < .05$ ). Hal ini menjelaskan bahawa dalam konteks pengantarabangsaan, pendedahan praktikal yang dilalui oleh pelajar iaitu pengalaman dan peluang adalah penting dalam menentukan kejayaan pengurusan komunikasi. Kajian ini menegaskan bahawa bagi memperkasakan pengurusan komunikasi pelajar mobiliti, penekanan harus diberikan kepada kualiti pengalaman dan penyediaan peluang serta pendedahan yang luas. Kedua-dua elemen ini mempunyai kuasa pengaruh yang tinggi dalam membentuk profil komunikasi yang profesional dan berdaya saing. Oleh itu, kajian ini membawa implikasi besar kepada pengurusan institusi pendidikan dalam aspek penglibatan pelajar bagi program mobiliti. Universiti tidak lagi boleh hanya memfokuskan kepada aspek pencapaian akademik semata-mata. Sebaliknya, penekanan perlu diberikan juga kepada pemeraksanaan literasi komunikasi global yang menyeluruh. Modul pra-pelepasan perlu dirangka semula termasuk simulasi

pengurusan risiko dan meningkatkan pelbagai kemahiran. Universiti hos yang terlibat pula harus lebih proaktif dalam berkongsi peluang yang baik untuk meminimumkan kesan risiko sosial terhadap pelajar.

#### KESIMPULAN

Dapatan kajian ini dihuraikan secara diskriptif. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa keterlibatan pelajar program mobiliti dalam pengurusan komunikasi bukanlah satu proses yang berlaku secara automatik, sebaliknya ia merupakan hasil interaksi diantara pelbagai faktor. Analisis terhadap pengalaman dan peluang membuktikan bahawa elemen tersebut yang membina keyakinan diri pelajar untuk berinteraksi di luar zon selesa mereka. Walau bagaimanapun, kedua-dua elemen tersebut tidak memadai jika tidak disokong oleh elemen kemahiran dan keupayaan pelajar dalam menghadapi risiko dalam budaya yang berbeza. Oleh itu, pengurusan komunikasi yang berkesan adalah sesuatu yang menentukan kualiti keterlibatan dalam program mobiliti bagi seseorang pelajar.

Kajian ini memberi impak kepada pelajar supaya dapat mengimbangi pengalaman, kemahiran, peluang, dan risiko dengan bijak. Mereka yang merupakan duta kecil bagi sesebuah institusi pendidikan, dan akan berkembang sebagai individu yang mempunyai ketahanan diri dan masa depan yang tinggi. Hasil yang dibincangkan dapat menjadi salah satu penemuan kepada kajian untuk masa hadapan. Limitasi kajian ini hanya memberi fokus kepada pelajar program mobiliti di satu universiti sahaja dan tidak dapat memberi gambaran keseluruhan pelajar di Malaysia. Kajian ini tidak dapat memahami secara mendalam pengalaman, peluang, kemahiran dan risiko yang pelajar telah lalui dalam mengurus komunikasinya. Cadangan untuk kajian akan datang untuk melibatkan pelajar dan pihak yang terlibat dari pelbagai institusi pendidikan dan juga menggunakan kaedah kualitatif (temubual secara mendalam atau kumpulan fokus). Dengan menggunakan pelbagai pendekatan yang holistik, secara tidak langsung dapat mengkaji dengan lebih mendalam lagi dan membina modul untuk topik ini. Program mobiliti akan terus kekal sebagai platform dalam melahirkan graduan yang berdaya saing untuk memenuhi koboleh pasaran di peringkat lokal dan global.

#### PENGHARGAAN

Kajian ini ditaja oleh Geran Kecil Penyelidikan Khas FSSK, kod kajian: SK-2024-011 dengan tajuk: Pengalaman, Kemahiran, Peluang dan Risiko Pelajar Mobiliti dalam Pengurusan Komunikasi dengan Pihak Berkepentingan.

#### BIODATA

*Mohd Azul Mohamad Salleh* (PhD) merupakan pensyarah kanan Pusat Kajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau pakar dalam bidang media baharu dan teknologi komunikasi. Email: azul@ukm.edu.my

*Rusyda Helma Mohd* (PhD) merupakan pensyarah kanan Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, FSSK, UKM. Beliau pakar dalam kajian pembangunan manusia. Email: rusyda\_h@ukm.edu.my

*Mohamad Rodzi Abd Razak* merupakan pensyarah kanan Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, FSSK, UKM. Beliau pakar dalam bidang kajian sejarah Malaysia moden, sejarah lisan dan historiografi Malaysia. Email: rodzi@ukm.edu.my

#### RUJUKAN

- Alizah Lambri, & Zamri Mahmood. (2016). Pendekatan berpusat pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu bagi membentuk kemahiran insaniah pelajar di universiti awam. *PENDETA Journal of Malay Language and Literature*, 7, 25-34.
- Asfarina Zanudin, Siti Nur Akma Kamaruddin, & Zainura Abdul Karim. (2023). Analisis program mobiliti pelajar secara maya di antara mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bunkyo-Gakuin University, Jepun, pasca-pandemik COVID-19. *Jurnal Personalia Pelajar*, 26(1), 19-26.
- Bhabha, H. K. (1994). *The location of culture*. Routledge.
- Ferdinand, A. (2006). *Strategic pathways toward sustainable competitive advantage* [Unpublished DBA Theses, Southern Cross, Lismore, Australia].
- Hishamudin Isam, Mashetoh Abd Mutalib, Yusniza Yaakub, & Marzalina Mansor. (2022). Remaja dan media: Penyerlahan 'Suara Remaja' berdasarkan isu dan penggunaan bahasa. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(1), 43-58.
- Marull, C., & Kumar, S. (2020). Authentic language learning through telecollaboration in online courses. *TechTrends*, 64(4), 628-635.
- Mohd Azul Mohamad Salleh, Arena Che Kasim, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Mohamad Adli Baco, & Muhammad Nur Imran Nor Arzami. (2024). *Ketagihan skrin dalam kalangan belia di Lembah Klang*. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 40(1), 286-303.
- Muhamad Faisal Ashaari, Nor Faizah Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit Zulkefli Aini, & Zulkefli Aini. (2022) Pembangunan model kewarganegaraan digital Islami berdasarkan Metode Fuzzy Delphi. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(4), 97-117.
- Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi, & Intan Suria Hamzah (2023). Penggunaan media sosial sebagai media baharu dan impaknya terhadap masyarakat Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 15, 24-37.
- Muhammad Zaiamri Zainal Abidin, Amira Firdaus, & Md Azlanshah Md Syed. (2021). Komunikasi strategik dalam pengurusan komunikasi organisasi: Definisi, pendekatan dan pelaksanaan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 23(1), 49-64.
- Nor Kamariah Noordin. (2019, April 24). *Program mobiliti pacu daya saing graduan*. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2019/04/556667/program-mobiliti-pacu-daya-saing-graduan>
- Nur Amirah Ahmadol Marzuki, Zurinah Tahir, & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2020). Penguasaan kemahiran teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) terhadap kecekapan kerja. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(9), 140-157.
- Nur Emieza Saleh. (2020). Cabaran dan pengalaman adaptasi antarabudaya dalam kalangan pelajar mobiliti ASEAN. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3), 1-8.
- Nur Syuhada Mokhzan. (2024). Peranan komunikasi dan penggunaan teknologi maklumat dalam kehidupan seharian belia: Kajian terhadap fungsi personal, interaksional, dan informasi. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(5), 1- 13.
- Safrena Noreen Abd Malek, Abdul Latiff Ahmad, & Wan Amizah Wan Mahmud. (2023). Adaptasi pelajar antarabangsa di Malaysia: Meneroka isu kejutan budaya di universiti swasta. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(7).
- Siti Aisyah Mohd Nong, & Siti Zuraidah Md Osman. (2024). Keperluan kemahiran insaniah abad ke-21 terhadap kesediaan kerjaya pelajar. *International Journal of Modern Education*, 6(20), 271-282.